

# PEMBERIAN AMAL

## Garis Panduan Pemberian



Mentakrifkan semula Masa Hadapan di Collins Aerospace

Collins Aerospace mengubah cara kita mengamalkan tanggungjawab sosial korporat untuk melihat bukan sahaja pada apa yang kita boleh lakukan di sini dan sekarang tetapi juga untuk mempertimbangkan impak yang kita boleh lakukan untuk generasi masa hadapan di seluruh dunia. Kita memanggilnya **Mentakrifkan Semula Masa Hadapan**. Pendekatan baharu yang berani ini merangkumi komitmen syarikat kami untuk menyelesaikan beberapa cabaran yang paling sukar dalam masyarakat.

Untuk meningkatkan impak kami di peringkat tempatan dan global, kami menyelaraskan aktiviti sukarela kami, kepimpinan sivik dan korporat berteraskan tiga tunggak:

- *Pendidikan STEM: Memberikan inspirasi kepada golongan muda untuk menceburi kerjaya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.*
- *Pembangunan Tenaga Kerja: Melabur dalam tenaga kerja semasa dan masa hadapan kami*
- *Ketahanan Komuniti Collins: Membangunkan komuniti inklusif & lestari*

Jika misi organisasi anda sejajar dengan fokus kami, kami mengalau-alukan anda untuk mengemukakan permohonan pembiayaan.

### Pembiayaan dan kelayakan

Permohonan untuk sumbangan korporat diterima tanpa had masa. Permohonan pembiayaan akan disemak secara berterusan, dengan keputusan dan bayaran biasanya dimaklumkan dalam 60 hari selepas penghantaran.

Memandangkan pendekatan kami kepada pemberian amal disetempatkan, saiz geran kami biasanya berbeza-beza mengikut inisiatif.

Untuk dipertimbangkan bagi pembiayaan, organisasi perlu memenuhi kriteria berikut:

- Program yang akan dipertimbangkan untuk pembiayaan yang dipohon mesti sejajar dengan tiga tunggak Collins Aerospace.
- Organisasi mesti berkhidmat dalam komuniti Collins Aerospace dan lokasinya dalam 80.5 km dari lokasi/tapak Collins Aerospace.
- Organisasi mesti bersifat kekal, organisasi 501c3 yang dikecualikan cukai atau setara antarabangsa dan boleh menyediakan penyata kewangan dari tahun sebelumnya. Kami juga menerima permohonan daripada institusi pendidikan yang diakreditasi dan agensi kerajaan bukan 501c3. Untuk klasifikasi lanjut dan pilihan kelayakan, sila rujuk platform pengurusan geran kami di [causes.benevity.org](http://causes.benevity.org) atau hantarkan e-mel ke [causes@benevity.org](mailto:causes@benevity.org).
- Organisasi ini bukan yayasan persendirian.
- Penglibatan pekerja semasa atau terdahulu Collins Aerospace diutamakan tetapi tidak wajib (contohnya, ahli lembaga, sukarelawan, mentor, dsb.).

Pembiayaan **tidak** akan dipertimbangkan untuk tujuan berikut:

- Peringatan, penganugerahan dan kempen tahunan
- Permohonan yang memanfaatkan individu atau keluarga
- Persatuan profesional, fraternal, buruh atau organisasi sosial
- Pasukan sukan, acara sukan, pendanaan aktiviti kesukanan dan biasiswa yang dikhaskan untuk atlet
- Hadiah, hadiah pintu, atau cabutan bertuah
- Calon, kempen, atau organisasi politik
- Organisasi berlandaskan kepercayaan untuk tujuan keagamaan
- Pengurangan defisit
- Organisasi yang mengamalkan diskriminasi berdasarkan bangsa, etnik, warna kulit, agama, orientasi seksual, identiti jantina, ekspresi jantina, umur, negara asal, ketidakupayaan, atau status veteran.

# PEMBERIAN AMAL

## Garis Panduan Pemberian

Memandangkan Collins Aerospace biasanya menerima permohonan pembiayaan melebihi bajet program pemberian amal tahunan kami, kami perlu mengutamakan sokongan kepada organisasi dan program sewajarnya yang paling sejajar dengan strategi dan garis panduan pemberian kami. Kami juga mungkin memutuskan untuk mengurangkan sokongan kepada organisasi yang telah disokong sebelumnya agar kami boleh meneroka penglibatan komuniti lain.

Sokongan daripada Collins Aerospace tidak seharusnya dijangka akan berterusan selama-lamanya dan pengurangan permohonan pembiayaan tidak menunjukkan penilaian negatif organisasi atau nilai program atau perkhidmatannya.

### Maklumat yang organisasi perlu berikan

Untuk melengkapkan permohonan pembiayaan, anda perlu memberikan butiran tentang organisasi anda, seperti:

- Misi, visi, komposisi kepimpinan (nama penuh kakitangan kanan dan lembaga pengarah anda yang sah), bajet tahunan.
- Bagaimana organisasi anda berbeza daripada organisasi lain yang menangani isu yang sama.
- Sejarah pembiayaan yang diterima daripada Collins Aerospace dan syarikat induk kami, Raytheon Technologies
- Jika berkenaan, nama pekerja Collins Aerospace yang terlibat dalam organisasi anda untuk dihubungi

Anda juga perlu memberikan maklumat tentang permohonan pembiayaan anda, seperti:

- Keterangan terperinci projek, termasuk tujuannya, matlamat dan sebab pembiayaan diperlukan.

- Bajet projek dan jumlah pembiayaan yang anda mohon.
- Tarikh projek, termasuk bila pembiayaan diperlukan.
- Terangkan khalayak atau populasi anda yang akan mendapat manfaat atau menerima impak.
- Bilangan orang yang mendapat manfaat secara terus daripada projek ini setiap tahun
- Peluang aktiviti sukarela yang organisasi anda atau projek akan wujudkan kepada pekerja Collins Aerospace
- Hasil yang boleh diukur daripada projek ini
- Senaraikan peluang keterlihatan atau cara yang Collins Aerospace akan dikenali.
- Senaraikan rakan kongsi komuniti yang akan bekerjasama dengan anda dan terangkan peranan setiap rakan kongsi.
- Berikan butiran tentang semua sumber pembiayaan lain yang anda telah terima.

Kami juga akan meminta anda menghantar beberapa dokumen yang berkaitan dengan organisasi anda, yang mungkin termasuk (tetapi tidak terhad kepada) perkara berikut:

- **bagi organisasi yang berpangkalan di A.S.:** borang W-9 anda, surat penentuan IRS, borang 990, laporan tahunan, brosur program/acara, dsb.
- **bagi organisasi yang berpangkalan di India:** butiran akan tersedia dalam bulan Mac 2022.
- **bagi organisasi yang berpangkalan di luar A.S. dan India:** dokumen rasmi kerajaan yang mengesahkan status amal anda, laporan tahunan, brosur program/acara, dsb.

# PEMBERIAN AMAL

## Garis Panduan Pemberian

### Cara memohon

Mulai 2022, Collins Aerospace menyertai syarikat induk kami, Raytheon Technologies, dan perniagaan jabatan kami yang lain dengan kerjasama [Benevity](#) untuk menggunakan sistem [Versaic](#) nya sebagai penyelesaian teknologi kelulusan perusahaan untuk mentadbir sumbangan amal syarikat.

Semua permohonan pembiayaan untuk dipertimbangkan mesti dihantar dalam talian.

Jika anda organisasi bukan untung yang memohon dana untuk penajaan program, projek atau acara, anda perlu mendaftar terlebih dahulu dalam [Benevity Causes Portal](#) sebelum melengkapkan permohonan pemberian amal Collins Aerospace. Sila lihat maklumat Benevity's Causes Portal di bawah.

Setelah organisasi bukan untuk anda didaftarkan dalam [Benevity Causes Portal](#), anda boleh mohon pembiayaan dengan melengkapkan dan menghantar permohonan pemberian amal.

- Jika anda **sudah menjadi rakan kongsi komuniti Collins Aerospace**, anda seharusnya sudah menerima pautan jemputan dan kod khas untuk borang permohonan pemberian amal kami. Sila hubungi kenalan tapak Collins anda untuk menerima pautan dan kod khas.
- Jika anda **organisasi yang berpangkalan di A.S.** dan belum menjadi rakan kongsi Collins Aerospace, kami mengalu-alukan anda untuk memohon kepada program pemberian amal ad hoc A.S. kami. Untuk mengakses dan mengisi borang permohonan pemberian amal, sila gunakan pautan dan kod berikut:
  - Pautan kepada permohonan pemberian amal: <https://rtx.versaic.com/>
  - Setelah anda melog masuk, anda akan diminta untuk memberikan kod jemputan sebelum mengisi permohonan pemberian. Sila gunakan: Collins\_US\_AdHoc22

- Pautan kepada permohonan pemberian amal: <https://rtx.versaic.com/>
- Setelah anda melog masuk, anda akan diminta untuk memberikan kod jemputan sebelum mengisi permohonan pemberian. Sila gunakan: Collins\_Global\_AdHoc22

- Jika anda **organisasi yang berpangkalan di India**, butiran program akan tersedia dalam bulan Mac 2022.

Setelah proses semakan selesai, pemohon akan dimaklumkan tentang keputusan semakan ini. Harap maklum bahawa kami tidak dapat memberikan kritikan teknikal tentang cadangan. Seluruh proses semakan dan membuat keputusan mungkin mengambil sehingga 60 hari.

Jika pembiayaan diluluskan dan melebihi pemberian \$50,000, anda perlu memberikan komitmen kepada perjanjian derma/geran, yang akan dihantar kepada anda oleh pasukan Tanggungjawab Sosial Korporat Collins untuk ditandatangani.

### Perkara yang perlu diingati apabila menghantar permohonan pemberian amal:

- Jika anda mengakses pautan kepada [borang permohonan pemberian amal](#) buat kali pertama, sila cipta akaun baharu dengan mengklik "Cipta akaun baharu".
- Jika anda permohon yang kembali, masukkan nama pengguna dan kata laluan anda untuk log masuk.

# PEMBERIAN AMAL

Garis Panduan Pemberian

## Portal Benevity Causes dan mendaftarkan organisasi anda

The [Benevity Causes Portal](#) ialah tempat organisasi bukan untuk diteliti untuk memastikan ia mematuhi Garis Panduan Pemberian Amal Raytheon Technologies dan perniagaan jabatannya dan boleh memberikan profil usaha amalnya, melengkapkan Deklarasi Pensijilan Kendiri, mendaftar untuk maklumat bayaran pilihan anda, dan menyertakan kisah impak untuk bakal pembiaya.

Dengan mendaftarkan organisasi bukan untung anda di [Benevity's Causes Portal](#), anda akan dapat menerima dana daripada semua klien Benevity, butiran eksport derma setiap bulan, dan menambah maklumat tentang misi dan impak organisasi bukan untung anda.

Ketahui lebih lanjut [di sini](#) tentang mendaftar dan mencipta profil anda dengan Benevity Causes. Jika anda memerlukan bantuan untuk mendaftar, sila lihat laman web ini tentang [cara mendaftar dan menuntut profil anda](#) atau menghantar permohonan sokongan [di sini](#).

Jika anda ada sebarang soalan tentang Portal Benevity and Causes atau memerlukan sebarang sokongan, sila lawati [Hab Benevity Resource](#) atau hubungi Pasukan Benevity Causes di [causes@benevity.org](mailto:causes@benevity.org).

## Ada soalan?

Jika anda ada soalan lanjut, sila hubungi pasukan Tanggungjawab Sosial Korporat Collins Aerospace di [CorporateSocialResponsibility@collins.com](mailto:CorporateSocialResponsibility@collins.com)